

D.R. 44/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN 1996

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

YAYASAN LAPORAN KEWANGAN DAN LEMBAGA PIAWAIAN PERAKAUNAN MALAYSIA

3. Penubuhan Yayasan.
4. Fungsi-fungsi Yayasan.
5. Anggota Yayasan.
6. Mesyuarat Yayasan.
7. Penubuhan dan fungsi-fungsi Lembaga.
8. Anggota Lembaga.
9. Mesyuarat Lembaga.
10. Hilang kelayakan.
11. Saraan.
12. Tempoh jawatan.
13. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan.
14. Pengosongan jawatan.
15. Arahan Menteri.
16. Kuasa dan kewajipan lain Yayasan dan Lembaga.
17. Pengambilan khidmat Pengarah Teknikal dan orang lain.
18. Pengambilan kerja pegawai dan pengkhidmat.

BAHAGIAN III

KEWANGAN

Fasal

19. Kumpulan Wang.
20. Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
21. Tahun kewangan Yayasan.
22. Pelaburan.
23. Laporan tahunan.
24. Akaun.
25. Ketakpakaian *Akta 240*.
26. Kuasa meminjam.

BAHAGIAN IV

AM

27. Pematuhan piawaian perakaunan diluluskan.
28. Kerahsiaan.
29. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menubuhkan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia; bagi mengadakan peruntukan tentang fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya; dan bagi mengadakan peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Padirka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Laporan Kewangan 1996.

Tajuk
ringkas dan
mula berkuat-
kuasa

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"Bank Negara" ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958; *Akta 5/9.*

"Institut Akauntan Malaysia" ertinya badan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Akauntan 1967; *Akta 94*

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 19(1);

"Lembaga" ertinya Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"pegawai utama", berhubungan dengan sesuatu syarikat awam tersenarai, ertinya seseorang, dengan nama apa jua disebut, yang bertanggungjawab bagi perjalanan perniagaan dan pentadbiran syarikat awam tersenarai itu, dan termasuk pengerusi bukan eksekutif syarikat awam tersenarai itu;

Akta 125. "Pendaftar Syarikat" ertinya Pendaftar Syarikat yang dilantik di bawah Akta Syarikat 1965;

"piawaian perakaunan" ertinya pernyataan amalan perakaunan yang lazim yang digunakan bagi menyediakan penyata kewangan;

"piawaian perakaunan diluluskan" ertinya piawaian perakaunan yang dikeluarkan atau diterima pakai oleh Lembaga di bawah subseksyen 7(1);

Akta 498. "Suruhanjaya Sekuriti" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;

"Yayasan" ertinya Yayasan Laporan Kewangan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

YAYASAN LAPORAN KEWANGAN DAN LEMBAGA PIAWAIAN PERAKAUNAN MALAYSIA

Penubuhan
Yayasan.

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Yayasan Laporan Kewangan" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa dengan namanya itu

dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak pada Yayasan mengikut apa-apa terma yang didapatinya patut.

4. (1) Fungsi-fungsi Yayasan ialah—

Fungsi-
fungsi
Yayasan.

- (a) memberikan pandangannya kepada Lembaga tentang apa-apa perkara yang hendak diusahakan atau dilaksanakan oleh Lembaga berhubung dengan fungsi-fungsi Lembaga di bawah seksyen 7;
- (b) mengkaji semula prestasi Lembaga;
- (d) bertanggungjawab bagi segala perkiraan pembiayaan bagi kegiatan Lembaga, termasuk meluluskan belanjawan Lembaga; dan
- (e) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,

(2) Yayasan tidak boleh, oleh sebab atau berkaitan dengan kuasanya untuk meluluskan belanjawan Lembaga di bawah subseksyen (1), mengarahkan Lembaga supaya mengusahakan atau tidak mengusahakan mana-mana projek atau kegiatan yang tertentu atau selainnya menyentuh perjalanan kuasa Lembaga atau pelaksanaan fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

5. (1) Yayasan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

Anggota
Yayasan.

- (a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;
- (b) Gabenor Bank Negara atau wakilnya;

- (c) Pengerusi Suruhanjaya Sekufiti atau wakilnya;
- (d) Pendaftar Syarikat atau wakilnya;
- (e) Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur atau wakilnya;
- (f) Presiden Institut Akauntan Malaysia;
- (g) Pengerusi Lembaga;
- (h) dua belas orang anggota lain yang daripadanya—
 - (i) lima orang hendaklah pegawai utama syarikat-syarikat awam tersenarai;
 - (ii) empat orang hendaklah akauntan awam yang setiap seorang hendaklah merupakan rakan kongsi yang mempunyai tidak kurang daripada sepuluh tahun pengalaman dalam firma perakaunan;
 - (iii) seorang hendaklah peguambela dan peguamcara yang merupakan rakan kongsi yang mempunyai tidak kurang daripada sepuluh tahun pengalaman dalam firma guaman; dan
 - (iv) dua orang lain yang mempunyai pengalaman dan latar belakang yang relevan.

(2) Menteri boleh melantik seorang Pengerusi daripada kalangan orang-orang yang disebut dalam subseksyen (1).

Mesyuarat
Yayasan

6. (1) Pengerusi Yayasan dan lapan orang anggota lain hendaklah membentuk kuorum pada semua mesyuarat Yayasan.

(2) Yayasan hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan perjalanan prosidingnya.

Penubuhan
dan fungsi-
fungsi
Lembaga.

7. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan dengan nama "Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia" yang fungsi-fungsinya ialah—

- (a) mengeluarkan piawaian perakaunan baru sebagai piawaian perakaunan diluluskan;

- (b) mengkaji semula, menyemak, atau menerima pakai, sebagai piawaian perakaunan diluluskan, piawaian perakaunan yang sedia ada;
- (c) mengeluarkan pernyataan tentang prinsip-prinsip bagi laporan kewangan;
- (d) menaja atau mengusahakan pembangunan piawaian perakaunan yang berkemungkinan;
- (e) mengendalikan apa-apa perundingan awam yang perlu untuk menentukan kandungan konsep, prinsip dan piawaian perakaunan;
- (f) membangunkan suatu rangka kerja konsep bagi maksud menilai piawaian perakaunan yang dicadangkan;
- (g) membuat apa-apa perubahan kepada bentuk dan kandungan piawaian perakaunan yang dicadangkan sebagaimana yang dianggapnya perlu; dan
- (h) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Lembaga hendaklah, berhubung dengan fungsi-fungsinya di bawah perenggan (1)(a), (1)(b), (1)(c) atau (1)(g), meminta pandangan Yayasan.

(3) Piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan atau diterima pakai di bawah subseksyen (1) boleh dinyatakan terpakai berhubung dengan—

- (a) apa-apa akaun yang disiarkan bagi sesuatu perusahaan komersial, industri atau perniagaan di Malaysia dan subsidiari seberang laut dan perbadanan berkaitan jika akaun itu akan digabungkan dalam akaun disatukan di Malaysia; dan
- (b) tempoh perakaunan atau tempoh perakaunan interim;

dan boleh—

- (aa) mempunyai pemakaian secara am atau khusus;
- (bb) berbeza mengikut perbezaan masa atau hal keadaan.

(4) Bagi maksud perenggan (3)(a)—

Akta 125.

- (a) "subsidiari" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Akta Syarikat 1965; dan
- (b) "perbadanan berkaitan" ertinya perbadanan yang tidak kurang daripada tiga puluh peratus dan tidak lebih daripada lima puluh peratus syernya dipegang oleh suatu perbadanan lain, menjadikan perbadanan yang mula-mula disebut itu suatu perbadanan berkaitan bagi perbadanan yang satu lagi.

Anggota
Lembaga

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Pengerusi;
- (b) Akauntan Negara; dan
- (c) enam orang anggota lain yang hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam perkara-perkara akaun dan laporan kewangan dan dalam satu daripada bidang yang berikut atau lebih:
 - (i) perakaunan;
 - (ii) undang-undang;
 - (iii) perniagaan;
 - (iv) kewangan.

(2) Sekurang-kurangnya lima orang daripada anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah anggota Institut Akauntan Malaysia.

(3) Menteri boleh melantik tiga orang penasihat kepada Lembaga untuk mewakili—

- (a) Suruhanjaya Sekuriti;
- (b) Bank Negara; dan
- (c) Pendaftar Syarikat.

(4) Penasihat yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah dilantik daripada kalangan orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perakaunan, undang-undang, perniagaan atau kewangan.

(5) Penasihat yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang ditentukan oleh Menteri.

9. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Mesyuarat
Lembaga.

(2) Enam orang anggota Lembaga hendaklah membentuk kuorum pada semua mesyuarat Lembaga.

(3) Penasihat kepada Lembaga berhak menghadiri mesyuarat Lembaga tetapi tidak berhak mengundi.

(4) Sesuatu persoalan yang dibangkitkan pada mana-mana mesyuarat Lembaga hendaklah ditentukan oleh tidak kurang daripada enam undi anggota yang hadir dan mengundi.

(5) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan perjalanan prosidingnya.

(6) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan Lembaga bagi maksud mendapatkan pandangan tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangan itu.

Hilang
kelayakan.

10. (1) Seseorang—

- (a) yang tak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya;
- (b) yang telah disabitkan dan telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun;
- (c) yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
- (d) yang bankrap,

tidak layak dilantik menjadi anggota Yayasan atau Lembaga, atau jika dia sedang menjadi anggota Yayasan atau Lembaga hendaklah terhenti menjadi anggota sedemikian.

Saraan.

11. Anggota-anggota Yayasan dan Lembaga dan penasihat kepada Lembaga tidak berhak mendapat apa-apa saraan tetapi boleh dibayar apa-apa honorarium dan elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Tempoh
jawatan.

12. Tertakluk kepada seksyen 10, 13 dan 14, seseorang anggota Yayasan atau Lembaga selain daripada anggota *ex-officio* hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula bagi satu tempoh berturutan saja.

Peletakan
jawatan dan
pembatalan
pelantikan.

13. (1) Seseorang anggota Yayasan atau Lembaga boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan menghantar notis bertulis kepada—

- (a) Menteri, dalam hal Pengerusi; atau
- (b) Pengerusi, dalam hal anggota lain.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan, tanpa memberikan apa-apa sebab baginya, pelantikan seseorang anggota Yayasan atau Lembaga jika difikirkannya suai-manfaat untuk dia berbuat demikian.

14. (1) Seseorang anggota Yayasan atau Lembaga terhenti memegang jawatan apabila dia mati, Pengosongan jawatan.

(2) Seseorang anggota Yayasan atau Lembaga hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Lembaga berturut-turut tanpa kebenaran daripada—

(a) Menteri, dalam hal Pengerusi; atau

(b) Pengerusi, dalam hal anggota lain.

15. (1) Menteri boleh memberi Yayasan atau Lembaga arahan-arahan yang bersifat am yang konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini tentang pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Yayasan atau Lembaga, dan Yayasan atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberikan kuatkuasa kepada arahan-arahan itu. Arahan Menteri

(2) Yayasan dan Lembaga hendaklah memberi Menteri apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kegiatan-kegiatannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

16. Yayasan dan Lembaga hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan atau dikenakan oleh Akta ini. Kuasa dan kewajipan lain Yayasan dan Lembaga

17. (1) Lembaga boleh, sama ada secara am atau dalam mana-mana perkara yang tertentu, mengambil khidmat atas terma dan syarat pengambilan khidmat yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Yayasan, mana-mana orang untuk memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang diperlukan atau ditentukan oleh Yayasan atau Lembaga berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi Yayasan atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini. Pengambilan khidmat Pengarah Teknikal dan orang lain.

(2) Yayasan hendaklah, atas syor Lembaga, melantik seorang Pengarah Teknikal yang fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipannya hendaklah termasuk membantu Lembaga dalam pentadbiran harian Lembaga dan dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Pengambilan
kerja
pegawai dan
pengkhidmat.

18. (1) Yayasan boleh dari semasa ke semasa mengambil bekerja orang-orang yang hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun, dan hendaklah memegang jawatan atas apa-apa terma dan syarat lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan.

(2) Yayasan boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya, termasuk Pengarah Teknikal yang dilantik di bawah subseksyen 17(2), dan orang-orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, ganjaran atau elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan.

BAHAGIAN III

KEWANGAN

Kumpulan
Wang

19. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang hendaklah ditadbirkan oleh Yayasan.

(2) Kumpulan Wang ini hendaklah mengandungi—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini;
- (b) apa-apa sumbangan yang dibuat oleh mana-mana orang termasuk kumpulan-kumpulan industri dan perbadanan-perbadanan;
- (c) fee atau bayaran lain yang dibayar kepada Yayasan atau Lembaga; dan
- (d) segala jumlah wang atau harta lain yang dengan apa-apa jua cara menjadi kena dibayar kepada Yayasan atau Lembaga atau terletak pada Yayasan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya.

(3) Yayasan boleh mewakilkan fungsinya di bawah subseksyen (1) kepada—

- (a) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Yayasan;

(b) Lembaga; atau

(c) mana-mana pegawai Lembaga.

(4) Apa-apa pewakilan di bawah subseksyen (3) tidaklah menghalang perjalanan serentak oleh Yayasan fungsi Yayasan yang diwakilkan sedemikian.

20. Kumpulan wang hendaklah digunakan bagi maksud—

Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.

(a) membayar apa-apa perbelanjaan yang telah dilakukan dengan sah oleh Yayasan atau Lembaga termasuk fee dan kos, sama ada fee guaman atau selainnya, dan saraan pegawai dan pengkhidmat yang diambil bekerja oleh Yayasan, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan atau ganjaran;

(b) membayar apa-apa belanja, kos atau-perbelanjaan lain yang sebenarnya dilakukan atau disetujui terima oleh Yayasan atau Lembaga dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya atau perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini;

(c) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan mendirikan bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain Yayasan atau Lembaga dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya atau perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini;

(d) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

21. Tahun kewangan Yayasan hendaklah bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember pada setiap tahun.

Tahun kewangan Yayasan.

22. Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang tidak perlu dibelanjakan oleh Yayasan di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut cara yang didapati sesuai oleh Yayasan.

Pelaburan.

Laporan
tahunan.

23. Yayasan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas tamat setiap tahun kewangan, menyediakan suatu laporan tentang kegiatan Yayasan dan Lembaga, kedua-duanya, sepanjang tahun kewangan itu dan menghantar satu salinan laporan itu kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan satu salinan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Akaun.

24. (1) Yayasan hendaklah menyebabkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas tamat setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan untuk tahun kewangan itu suatu penyata akaun bagi Yayasan yang hendaklah termasuk suatu kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai.

(2) Yayasan hendaklah menyebabkan penyata akaunnya diaudit oleh juruaudit yang dilantik olehnya.

(3) Yayasan hendaklah dengan seberapa segera yang praktik menghantar satu salinan penyata akaunnya yang sudah diaudit berserta satu salinan laporan juruaudit tentangnya kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan satu salinan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Ketak-
pakaian
Akta 240.

25. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 tidaklah terpakai bagi Yayasan.

Kuasa
meminjam.

26. Yayasan boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam, pada kadar faedah dan bagi tempoh dan atas terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Yayasan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau obligasi Lembaga atau menjalankan mana-mana fungsinya atau fungsi Lembaga.

BAHAGIAN IV

AM

27. Jika penyata kewangan dikehendaki disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat, dan piawaian perakaunan diluluskan sudah dikeluarkan atau diterima pakai oleh Lembaga di bawah subseksyen 7(1), penyata kewangan itu hendaklah disifatkan tidak mematuhi kehendak undang-undang itu melainkan jika ia telah disediakan dan disimpan mengikut piawaian perakaunan diluluskan itu.

Pematuhan piawaian perakaunan diluluskan.

28. Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau bagi maksud membantu mana-mana pihak berkuasa atau agensi untuk melaksanakan atau menjalankan fungsi atau kuasanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia, Yayasan dan Lembaga hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat yang diberikan kepada Yayasan atau Lembaga secara sulit daripada digunakan atau didedahkan tanpa kebenaran.

Kerahsiaan.

29. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai-manfaat atau perlu bagi menjalankan atau memberikan kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

 HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2. **Bahagian I** mengandungi perkara permulaan seperti tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh bagi permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan. Ia juga mengandungi, *dalam fasal 2*, takrif istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. **Bahagian II** mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, keanggotaan, kuasa, fungsi dan mesyuarat

masing-masing dan pengambilan khidmat orang-orang untuk membantunya melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasanya. Kuasa Lembaga berhubungan dengan piawaian perakaunan terkandung dalam *subfasal 7(1)*.

4. **Bahagian III** mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Kumpulan Wang yang hendaklah ditadbirkan oleh Yayasan, sumber Kumpulan Wang itu, dan maksud yang baginya Kumpulan Wang itu boleh dibelanjakan. Bahagian ini juga memperkatakan tahun kewangan Yayasan dan kuasa Yayasan untuk melaburkan wangnya.

Fasal 23 dan 24 bertujuan mengenakan kewajipan pada Yayasan supaya menyediakan laporan tentang kegiatan Yayasan dan Lembaga sepanjang sesuatu tahun kewangan dan penyata akaun Lembaga bagi tahun itu, dan menghantar satu salinan laporan dan penyata itu kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Fasal 26 bertujuan untuk memberi Yayasan kuasa untuk meminjam wang bagi maksud memenuhi mana-mana obligasi Yayasan atau Lembaga atau melaksanakan mana-mana fungsi Yayasan atau Lembaga.

5. **Bahagian IV** mengandungi suatu peruntukan penting, iaitu kehendak (dalam *fasal 27*) supaya piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga dipatuhi berkenaan dengan akaun yang dikehendaki disimpan di bawah pelbagai undang-undang yang ditadbirkan oleh Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat.

Bahagian IV juga mengandungi peruntukan yang bertujuan memastikan bahawa Yayasan dan Lembaga mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran maklumat yang diberikan secara sulit kepada Yayasan atau Lembaga, dan peruntukan yang bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1944.]